

07/08/2003

Keakraban KL-Moscow bermanfaat

SEBAGAI sebuah negara bekas kuasa besar, kemampuan dan kemajuan Russia dalam pelbagai bidang, terutama pertahanan dan industri senjata, pendidikan dan aeroangkasa tidak boleh dinafikan. Memandangkan hakikat ini dan keyakinan Russia sebuah dunia unipolar amat berbahaya sejajar dasar kita, Kuala Lumpur dan Moscow meningkatkan lagi kerjasama dan ikatan perhubungan. Betapa Malaysia memandang kepada Russia bagi mengimbangi kekuatan dan kekuasaan Amerika Syarikat ditekankan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sempena lawatan Presiden Vladimir Putin. Akibat percanggahan pendapat di antara Malaysia dan sekutu tradisionalnya, iaitu AS, kita mengharapkan Russia dapat memainkan peranan menjadikan dunia ini kurang digeruni oleh negara kecil yang sentiasa khuatir ditindas, diugut dan dipaksa mengikut telunjuk AS dalam pelbagai hal.

Dari segi kerjasama, baik pendidikan mahupun perdagangan, tidak syak lagi kita akan mengambil kesempatan menghantar lebih ramai pelajar ke institusi pengajian tinggi Russia dengan tumpuan dalam bidang sains, perubatan dan teknologi. Apatah lagi kini AS semakin mengetatkan syarat mengeluarkan visa. Kesediaan kita menjadi pintu masuk barangan Russia ke rantau ini boleh menseimbangkan perdagangan. Seterusnya adalah menjadi harapan kita angkasawan Malaysia dapat bersama-sama angkasawan Russia dalam misi meneroka angkasa lepas menjelang 2005. Usaha meningkatkan kerjasama Malaysia dengan Russia itu tidak syak lagi dicapai hasil kejayaan proses transformasi politik dan ekonomi Russia. Keazaman keluar daripada pengaruh dan kekuasaan AS akan memudahkan kita mencapai matlamat mewujudkan hubungan lebih bermakna dan menguntungkan dengan Moscow.